



مَجْلِسُ بَرَبَنْدَارَانِ بَاتُو پَاهَاتِ
MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
ARAS 12, MENARA MPBP, JALAN RUGAYAH
83000 BATU PAHAT
JOHOR DARUL TA'ZIM

Talian bebas tol:
1300-88-6727

No. Faks: 07-439 6999
E-mel: info@mpbp.gov.my
Laman web: www.mpbp.gov.my

*Sila catat rujukan kami
apabila berhubung*

Ruj. Kami : MPBP/JPP/PRK/2025(01)
Tarikh : **08 MAY 2025**

Kepada Sesiapa Yang Berkenaan,
Pemilik Rumah,

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PROGRAM PEMUTIHAN BAGI RUMAH KEDIAMAN YANG DIBINA TANPA
KEBENARAN DI KAWASAN PENTADBIRAN MPBP**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) sedang melaksanakan **Program Kelulusan Khas Pemutihan Binaan Ubahan dan Tambahan Bagi Rumah Kediaman Yang Dibina Tanpa Kebenaran Daripada MPBP** bermula dari **1 Disember 2024 hingga 31 Disember 2025**.

3. Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pemilik rumah yang telah mengubah suai premis kediaman tanpa kebenaran daripada pihak MPBP untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan pembangunan yang berkuat kuasa, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh MPBP bagi penyertaan program ini.

4. Sehubungan dengan itu, tuan/puan adalah disarankan untuk mengambil peluang ini bagi mengesahkan status kediaman yang terlibat dan selepas tamat tempoh program ini, pihak MPBP akan mengambil tindakan penguatkuasaan dan perundangan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada terhadap mana-mana bangunan yang masih tidak mendapat kelulusan.

5. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan program ini boleh diajukan kepada **Bahagian Pembangunan, Jabatan Perancangan Pembangunan MPBP** di talian **07-4396881**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"MAJU DAN SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,

(EZHAR BIN ABU SAIRIN)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Batu Pahat,
Batu Pahat
SK.hbj.PemutihanRK

YOK! MASUK PELAN
SEBELUM 31.12.2025



PROGRAM PEMUTIHAN

UBAH SUAI RUMAH TANPA KEBENARAN PELAN DIJAMIN LULUS

*Tertakluk kepada Dasar & Garis Panduan yang ditetapkan oleh MPBP



ADAKAH KEDIAMAN ANDA



BINAAN TAMBAHAN DIBINA
TANPA KEBENARAN MPBP



BINAAN TAMBAHAN DIBINA
MELENCONG DARI PELAN KELULUSAN



BINAAN TAMBAHAN DIBINA
TIDAK MELEBIHI SEMPADAN LOT



SCAN ME

SENARAI ARKITEK DAN
PELUKIS PELAN
BERDAFTAR


LIMA LANGKAH UNTUK MOHON

IKUT SEBAGAIMANA BERIKUT

1

SEMAK KELAYAKAN & SYARAT UTAMA PERMOHONAN

- ✓ pastikan binaan dibina sebelum 31 Disember 2023
- ✓ Dibina tidak melebihi sempadan lot
- ✓ Tidak terlibat dengan masalah kejurangan aduan awam dan tindakan mahkamah.



2

MELANTIK PERUNDING

- ✓ Melantik arkitek / pelukis pelan berdaftar dan Jurutera bertauliah
- ✓ Dilarang berurusan dengan runner (Orang yang tidak berkelayakan)

3

PERSETUJUAN

Mendapatkan persetujuan jiran berdampingan bagi binaan yang siap dibina

4

BERTANGGUNGJAWAB

Membuat perakuan bahawa binaan telah lama siap dibina (binaan sediaada) dan bertanggungjawab ke atas binaan tersebut.

5

PERMOHONAN

- ✓ Akan dikemukakan oleh arkitek / pelukis pelan ke MPBP untuk pertimbangan
- ✓ Menjelaskan fi proses dan bayaran berkaitan (Jadual 1)

Dokumen yang lengkap sahaja akan diproses dan dipertimbangkan untuk kelulusan

BIL	JENIS RUMAH KEDIAMAN	KADAR FI ONE OFF (RM)			
		PROMOSI		BIASA	
		FI PROSES	PENALTI 10 X GANDA	FI PROSES	PENALTI 10 X GANDA
1	Rumah Kos Rendah	50.00	500.00	150.00	1500.00
2	Rumah Teres (selain rumah kos rendah)	100.00	1000.00	200.00	2000.00
3	Rumah Berkembar / Berkelompok / Bandar	150.00	1500.00	250.00	2500.00
4	Rumah Sesebuah (tidak lebih 2 tingkat)	200.00	2000.00	300.00	3000.00

Jadual 1: Kadar Bayaran

PERUNDANGAN

SEKSYEN 70 (11)

AKTA JALAN PARIT DAN BANGUNAN 1974 - AKTA 133

Membuat apa-apa perubahan kepada mana-mana bangunan tanpa kebenaran pihak berkuasa tempatan.

JIKA DISABITKAN BOLEH DI DENDA TIDAK KURANG

RM 25,000.00

DAN
MERUNTUHKAN BINAAN TERSEBUT

SEGALANYA PERLUKAN PERANCANGAN, BERAKHIR DENGAN
KELULUSAN ATAU TINDAKAN PERUNDANGAN

KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNGI:

JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN, MPBP



07-4396880